

PKPB: Pasar Besar Siti Aishah Bertukar Sepi

Oleh: Suzana Ismail, 1180164

November 27, 2020



Suasana di Pasar Siti Aishah lengang. - FOTO SUZANA ISMAIL

JELAWAT: Suasana di Pasar Besar Siti Aishah, di sini lengang dan sepi dengan hanya separuh sahaja peniaga membuka premis perniagaan selepas penularan virus pandemik Covid-19.

Tinjauan mendapati, pasar terbabit bagaikan ‘hilang seri’, tiada lagi hiruk-pikuk pengunjung, malah sebilangan peniaga terutamanya yang menjual pakaian mengambil keputusan menutup kedai mereka.

Seorang peniaga, Wan Faridah Abdullah, 68, berkata, perniagaannya telah merosot sejak berlakunya wabak Covid-19 disebabkan orang ramai bimbang untuk keluar rumah dan juga perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang digariskan oleh kerajaan.

“Dari segi jualan memang sangat jauh berbeza dibandingkan sebelum wabak ini berlaku, ditambah lagi saya hanya menjual pakaian memang jarang orang yang datang bertandang ke kedai saya. Kebanyakan mereka hanya membeli barang-barang keperluan harian seperti ikan, ayam, daging serta sayur-sayuran,” katanya.

Menurutnya, pada musim perayaan lalu sebelum Covid-19 misalnya, jualannya mampu mencecah RM1000 hingga RM2000 sehari, tetapi pada musim perayaan yang lalu hanya RM300 hingga RM400 sahaja manakala, pada hari biasa secara purata RM50 sehari, namun kini hanya RM35 sahaja sehari.



Peniaga setia menunggu kehadiran pelanggan walaupun ramai rakan niaga mereka mengambil keputusan menutup premis perniagaan masing-masing. -FOTO SUZANA ISMAIL

Sementara itu, Siti Gayah Awang Besar, 82, berkata sejak pandemik, perniagaannya kurang mendapat sambutan malah pendapatannya turut sama terjejas. Tambah Siti, kebiasaannya pada bulan November dan Disember pakaian seragam sekolah mendapat permintaan tinggi namun sekarang semuanya sepi.

Seorang pengunjung, Muhammad Azam Ismail, 19, berkata dia ditugaskan ibunya untuk datang ke pasar jika ada barang yang tidak mencukupi di kedai berdekatan rumahnya. Jika sebelum ini dia sering ke pasar kerana banyak pilihan, namun kini hanya datang kerana keperluan mendesak.

Sebelum ini, Menteri Kanan (Keselamatan) Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berkata dalam satu sidang media, kerajaan memutuskan untuk melaksanakan PKPB di Kelantan mulai 21 November hingga 6 Disember berikutan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di beberapa daerah di negeri ini.

Peniaga yang mulai lega dengan berakhirnya PKPB terpaksa akur dan menerima baik keputusan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Isnin lalu apabila mengumumkan PKPB dilaksanakan lagi selama 14 hari mulai 4 Januari sehingga 17 Januari 2021.